

Penjawat awam Pahang sambut baik IBR

U/MALAYSIA 7/8/2017

KUANTAN 6 Ogos - Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang diilhamkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semakin mendapat sambutan daripada pelbagai jabatan dan agensi di negeri ini sebagai menyokong usaha menghapuskan amalan rasuah serta salah guna kuasa.

Pengarah SPRM negeri, Datuk Alias Salim berkata, maklum balas positif itu menunjukkan tahap kesedaran tinggi dalam kalangan penjawat awam termasuk badan beruniform mempertahankan integriti masing-masing.

“Sambutan yang diterima di negeri ini untuk melaksanakan IBR sangat menggalakkan yang mana Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) telah melaksanakannya baru-baru ini.

“Ada juga yang dalam senarai menunggu seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG) yang akan menyusul,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan Majlis Lafaz Ikrar dan Menandatangani IBR Kumpulan Pengurusan, Pembekal dan Kontraktor Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Paip, Datuk Mohd. Zahari Md. Isa dan Timbalan Pengarah SPRM negeri, Jamaluddin Puteh.

Menurut Alias, kesanggupan agensi atau pihak yang menandatangani IBR perlu dipuji kerana menunjukkan mereka komited terhadap amalan berintegriti.